

Abdullah Joffri  
Blk 420, #07-1113  
Ang Mo Kio Ave. 10  
Singapore 560420  
Tel: 64565196 / 93202146

13<sup>hb</sup> Juli 2014

Menteri Lawrence Wong  
Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY)  
140 Hill Street  
#02-00 / #03-00  
Singapore 179369

Menteri Lawrence Wong yang dihormati,

**Perkara: Artefak-Artefak Gedung Kuning**

Saya pasti tuan sudah menerima emel daripada anak saudara saya Hidayah Amin pada 17 Januari 2014 mengenai perkara yang disebutkan di atas. Dia juga telah berhubung dengan Encik Yeo Whee Jim (MCCY) dan Encik Shaun Phua (NHB) mengenai perkara ini.

Kini sudah lebih dari satu tahun sejak kiriman surat saya yang bertarikh 15 Jun 2013 kepada Menteri Yaacob Ibrahim (sila rujuk kepada lampiran surat). Namun pihak Yayasan Warisan Melayu (MHF) mengambil masa yang lama untuk berhubung dengan saya. Saya menulis lagi kepada MHF pada 15 Jun 2013 dan 30 September 2013. Mereka mengambil masa lebih dari 6 bulan untuk membalas surat saya dengan memberikan alasan yang tidak bernas. Mereka seperti tidak mahu berurusan dengan saya atau anak saudara saya Hidayah.

Dalam emelnya yang bertarikh 28 Januari, 6 Mar, 14 April, 2 Jun tahun ini, Encik Shaun Phua telah memberitahu Hidayah bahawa dia hendak mengaturkan satu perjumpaan di antara keluarga saya dan pihak MHF. Tetapi malangnya, pihak MHF mengambil masa yang lama untuk menetapkan tarikh perjumpaan. Saya tidak percaya pihak MHF begitu sibuk sekali sehingga tidak boleh berjumpa dengan kami. Ataupun pihak MHF tidak mengambil serius pertanyaan saya, pengamanah estet Haji Yusoff, pemilik Gedung Kuning sebelum rumah tersebut diambil oleh pemerintah?

Saya amat tidak puas hati dengan layanan yang MHF telah berikan kepada keluarga saya. Di sini saya ingin MHF:

1. Menetapkan tarikh perjumpaan (tanpa berlengah lagi)
2. Memberikan saya salinan senarai artefak (termasuk senarai barang-barang yang telah pecah dan musnah semasa di dalam penjagaan pihak MHF)
3. Memberikan saya surat rasmi penyerahan artefak kembali kepada keluarga Haji Yusoff
4. Meletakkan tag penghargaan yang mengatakan bahawa artefak tersebut adalah "Milik keluarga Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor" sebagaimana yang telah dilakukan oleh

pihak NHB. Tidakkah ia satu kesopanan masyarakat Melayu dan juga etika pengurusan untuk mengakui dan menghargai sumbangan orang lain?

Saya harap Menteri Lawrence Wong akan membantu saya mengenai perkara ini kerana pihak MHF sebagai satu Yayasan Warisan amat tidak cekap berurusan dengan pihak-pihak berkepentingan. Saya amat kesal dengan sikap MHF yang acuh tak acuh dan tidak professional ini.

Terima kasih.

Yang benar,



Abdullah Joffri  
Pengamanah estet Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor

Salinan kepada:

Dr Yaacob Ibrahim, Menteri yang bertanggungjawab mengenal hal-ehwal masyarakat Melayu-Islam

Puan Zuraidah Abdullah, Pengerusi MHF

Encik Shaun Phua, Timbalan Direktor, Institusi Budaya, NHB

Puan Julina Khusaini, Pengurus Besar, MHF